

21/11/1998

DPMK dakwa Gore ada niat buruk

ALOR STAR, Jumaat - Dewan Perniagaan Melayu Kedah (DPMK) mengutuk tindakan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, kerana mencampuri urusan dalaman negara ini dengan menyokong gerakan reformasi.

Yang Dipertuanya, Baharuddin Kasim, berkata kenyataan Gore yang keterlaluan sebenarnya mempunyai niat buruk untuk melihat keadaan negara ini tidak aman.

Menurutnya, sebagai pemimpin di negara besar, Gore tidak wajar bersikap melampau sebaliknya berusaha mendamaikan suasana tegang menjadi baik.

"Tindakannya menyokong gerakan itu yang mengadakan tunjuk perasaan dan keganasan di jalan raya di Kuala Lumpur, seolah-olah mahu membakar jambatan yang sedia ada," katanya.

Serentak itu, katanya DPMK mengutuk Amerika supaya jangan mencampuri masalah dalaman negara asing, terutama Malaysia yang kehidupan rakyat berbilang kaum aman dan damai,

Mengulas sikap Gore itu, Baharuddin berkata, rakyat negara ini tidak mudah mengikut telunjuk Amerika yang banyak menimbulkan masalah di seluruh dunia.

Ini membuktikan dasar luar Amerika begitu buruk apalagi dengan masalah yang sedang dihadapi pemimpin negara itu, Bill Clinton yang menghadapi tuduhan skandal seks. Mereka seolah-olah mahu menunjukkan yang merekalah sebenarnya kuasa dunia sekali gus memperlihatkan keangkuhan mereka.

Menurutnya, DPMK menyanjung tinggi sikap beberapa pemimpin lain yang menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), termasuk Perdana Menteri Australia, John Howard dan Menteri Luar China, Tang Jiaxun, yang tidak campur tangan soal dalaman negara.

Beliau berkata, Malaysia pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, boleh menyelesaikan sendiri masalah dalaman negara tanpa perlu campur tangan kuasa luar.

(END)